

# Khidmat bekas duta penting: PM

Oleh **SHAHARUDIN LATIF**

PETALING JAYA, Isnin — Kerajaan berharap penubuhan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, dapat melatih bakal diplomat dan perwakilan luar negara dengan lebih tersusun dan berkesan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata dengan penubuhan institut itu, pengalaman bekas duta negara dapat digunakan untuk membimbing pegawai baru supaya mereka tidak hanya bergantung kepada pendedahan dan pengalaman.

Berucap di majlis perasmian Mesyuarat Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia 1991 dan pelancaran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri di Intan di sini, beliau berkata, kecekapan serta pengetahuan mendalam mengenai cara diplomasi, dasar serta matlamat negara perlu ada pada perwakilan luar negara.

Institut itu ditubuhkan untuk memberilatihan asas kepada bakal diplomat dan juga latihan susulan.

"Pengalaman semata-mata tidak mencukupi untuk menghasilkan pencapaian, adalah

lebih baik kursus yang seragam diadakan, meliputi semua bidang diplomasi, daripada budaya diplomasi sehinggalah kepada pendekatan, protokol, bahasa dan cara berunding," katanya.

Perdana Menteri berkata, untuk mewakili negara dan menjayakan hubungan dengan negara lain, perwakilan mesti memahami dengan mendalam dasar negara dan tanpa pengetahuan mengenai dasar, perwakilan tidak mungkin dapat menjalankan tugas dengan berkesan.

Menurutnya, harapan kerajaan dengan adanya kursus secara tersusun, negara akan melahirkan diplomat yang lebih berkemampuan.

Terdahulu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata institut itu diletakkan dalam bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri dan Datuk A S Talalla dilantik sebagai ketua pengarahnya yang pertama.

"Kumpulan sasaran institut ini ialah pegawai Kementerian Luar dan pegawai kementerian lain yang ditugaskan di luar negara, khususnya yang ada kaitan dengan dagangan," katanya.